

UPM rangkul tiga emas inovasi



Barisan penyelidik yang menyertai pameran ITEX 2019 yang diadakan KLCC baru-baru ini.

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) berjaya merangkul tiga pingat emas dan lima pingat perak berserta satu anugerah khas di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2019 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) baru-baru ini.

UPM dalam kenyataannya berkata, pihaknya menghantar lapan penyeritaan pada pameran ITEX kali ini yang turut disertai oleh pelbagai universiti, agensi penyelidikan, institusi pendidikan tinggi, agensi kerajaan, syarikat

dan sekolah di dalam dan luar negara.

"Tahniah kepada Prof. Dr. Rosfarizan Mohamad dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Dr. Nor Azah Binti Yusof (Institut Teknologi Maju) dan Prof. Madya Dr. Yusran Sulaiman (Fakulti Sains) kerana memenangi pingat emas.

"Manakala Prof. Madya Dr. Janet Lim Hong Ngee daripada Fakulti Sains telah menerima Anugerah Khas iaitu HomeDec Award - Best Invention Household Product Category hasil daripada inovasi External

Water Filter with Dual-Functional Photoelectrochemical Sensor-Adsorbent of Copper(II) Ions," katanya dalam kenyataan kepada *Sinar Harian*.

Anugerah disampaikan Tan Sri Emeritus Professor Datuk Dr. Augustine Ong Soon Hock, Presiden Malaysian Invention and Design Society (MINDS).

"Semoga pengiktirafan penyelidikan dan inovasi ini akan melonjakkan lagi pengkomersilan hasil penyelidikan UPM ke arah kemajuan masyarakat dan pembangunan negara," katanya.